

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua perunding-perunding swasta, sama ada dari dalam Negara atau luar Negara, yang ditugaskan kepada Jabatan Perdana Menteri atau mana-mana Kementerian atau Jabatan yang dibiayai atau di bayar oleh Kerajaan Malaysia. Nyatakan kos setahun, dari tahun 2008 hingga kini, bagi setiap firma dan tempoh mereka mula serta akhir kontrak dan nyatakan juga Terma Rujukan tugas-tugas mereka.

JAWAPAN

Perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan dilantik oleh Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah projek pembangunan fizikal/kajian Kerajaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan. Kriteria pelantikan perunding dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan, prestasi perkhidmatan, pengalaman firma dan lain-lain kriteria yang bersesuaian.

Selaras dengan konsep *let managers manage* dan keperluan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan/kajian berimpak tinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan, urusan perolehan perkhidmatan perunding telah didesentralisasikan di mana Kementerian/Agensi dibenarkan melantik perunding berdasarkan kaedah perolehan, had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus tertentu bertujuan mempercepatkan pelaksanaan perolehan, meningkatkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian awam di samping mengurangkan karenah birokrasi.

Kerajaan juga sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menambah baik tatacara perolehan perkhidmatan perunding dalam usaha meningkatkan lagi tahap ketelusan dan integriti dalam perolehan Kerajaan.